

SEKILAS BAJET 2012 DASAR TRANSFORMASI NASIONAL: BAJET MEMBELA RAKYAT, MENSEJAHTERA NEGARA

Sebanyak 3.4 juta isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah menerima bantuan wang tunai RM500.



Seramai 5.3 juta pelajar dari Tahun Satu hingga Tingkatan Lima di seluruh negara menerima bantuan RM100.

Yuran tahunan RM23.50 bagi murid sekolah rendah dan RM33.50 bagi pelajar sekolah menengah dihapuskan.



Seramai 1.3 juta pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan, matrikulasi serta pelajar tingkatan enam diberi baucar buku RM200 setiap seorang.

Pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dibenarkan membuat pendaftaran awal haji berjumlah RM1,300 melalui Akaun 2 pencarum.



Caruman seramai 5.3 juta pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berpendapatan RM5,000 ke bawah dinaikkan daripada 12 kepada 13 peratus setahun.

Melanjutkan usia persaraan kakitangan kerajaan daripada 58 kepada 60 tahun.

Memperkenalkan Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam yang menawarkan skim gaji lebih baik dengan kenaikan maksimum sehingga 37.7 peratus.



Sebanyak 62,000 orang bekas anggota, duda dan balu bekas anggota keselamatan negara di zaman darurat menerima sumbangan *one-off* RM3,000.

Bonus setengah bulan gaji dengan bayaran minimum RM500 kepada kakitangan kerajaan dan bantuan RM500 kepada pesara kerajaan.

Peruntukan RM1.2 bilion untuk program Kebajikan Rakyat 1Malaysia atau KARISMA.



PERDANA Menteri, Najib Tun Razak ketika membentangkan Bajet 2012 di Dewan Rakyat semalam.



NAJIB dan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam suasana ceria selepas pembentangan Bajet 2012 di Dewan Rakyat semalam.

Terima kasih Datuk Seri Najib!

Bajet 2012 beri durian runtuh kepada berjuta-juta rakyat

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam membentangkan Bajet 2012 dengan peruntukan sebanyak RM232.8 bilion yang sarat dengan berita gembira untuk membantu semua golongan rakyat menghadapi tekanan kos sara hidup pada tahun depan.

Dengan bertemakan 'Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara,' ia menyediakan banyak

insentif termasuk mencipta sejarah sebagai bajet pertama menawarkan pendidikan percuma sekolah rendah dan menengah serta mengagihkan bayaran RM500 untuk 3.4 juta isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah.

Najib turut mengumumkan bonus RM500 kepada 1.3 juta kakitangan awam, kenaikan gaji daripada RM80 hingga RM320 serta menaikkan had umur bersara sektor awam daripada

58 tahun kepada 60 tahun.

Dalam bajet yang menggembirakan berjuta-juta rakyat, kerajaan juga akan membenarkan pencarum mendaftar awal untuk menunaikan haji dengan bersandarkan wang dalam Akaun 2 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM1,300.

BERITA DI MUKA 2, 3 DAN 4

Bonus untuk penjawat awam Disember ini

KUALA LUMPUR – Kerajaan mengumumkan pemberian bonus tambahan setengah bulan gaji atau minimum RM500 seorang kepada 1.3 juta penjawat awam pada bulan Disember ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, langkah itu bertujuan mengiktiraf sokongan penjawat awam dalam pembangunan negara.

“Langkah tersebut akan menjadikan jumlah bonus yang diberikan kepada penjawat awam pada tahun ini bersamaan dengan sebulan gaji atau ba-

nyaran minimum RM1,000.

“Bayaran ini akan memanfaatkan 1.3 juta penjawat awam,” katanya pada pembentangan Bajet 2012 di Dewan Rakyat semalam.

Najib turut mengumumkan bayaran bantuan sebanyak RM500 kepada golongan pesara kerajaan melibatkan 618,000 orang.

Katanya, kedua-dua bayaran itu termasuk bantuan sama yang pertama diberi sebelum ini melibatkan perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM4 bilion.

INFO Bajet 2012

Jumlah peruntukan RM232.8 bilion (2011 - RM212 bilion)

PERBELANJAAN MENGRUS RM181.6 bilion	PERBELANJAAN PEMBANGUNAN RM51.2 bilion
<ul style="list-style-type: none"> ● Emolumen RM52 bilion ● Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap RM96.5 bilion ● Perkhidmatan dan Bekalan RM30.5 bilion ● Pembelian Aset RM1.1 bilion ● Perbelanjaan Lain RM1.5 bilion 	<ul style="list-style-type: none"> ● Sektor Ekonomi RM29.8 bilion ● Sektor Sosial RM13.6 bilion (termasuk pendidikan, latihan, kesihatan, kebajikan, perumahan dan pembangunan masyarakat) ● Sektor Keselamatan RM4.4 bilion ● Pentadbiran Am RM1.4 bilion ● Simpanan Luar Jangka RM2 bilion

Bajet 2012 untuk bantu rakyat atasi tekanan kos sara hidup

3.4 juta dapat bantuan RM500

Oleh JOHANNA A. SOBREY, JUNHAIRI ALYASA, JAGATHESWARY NARAYANAN, NOR AZIRAN YUNUS, IKHWAN IDERIS, LUQMAN RIDHWAN MOHAMED NOR dan LILY YEAN

KUALA LUMPUR - Seramai 3.4 juta orang atau 53 peratus daripada isi rumah di negara ini yang mempunyai pendapatan bulanan RM3,000 ke bawah akan menerima bantuan RM500 dalam usaha kerajaan meringankan beban rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah menghadapi tekanan kos sara hidup.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pemberian tunai sekali bayar itu adalah langkah yang julung-julung kali dilakukan dengan kos RM1.8 bilion.

"Untuk menerima bantuan ini, ketua isi rumah yang layak hendaklah berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebagai agensi pelaksana.

"Bantuan itu akan disalurkan melalui bank dan pejabat pos," kata Najib yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2012 di Dewan Rakyat semalam.

Bajet bertemakan 'Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara' itu menyediakan peruntukan sebanyak RM232.8 bilion dengan RM181.6 bilion untuk perbelanjaan mengurus manakala perbelanjaan pembangunan berjumlah RM51.2 bilion.

Ia mempunyai lima fokus utama iaitu meligat pelaburan, mengungguli modal insan, mencerna kreativiti dan mencetus inovasi, program transformasi luar bandar, memperkecapi perkhidmatan awam dan me-



NAJIB dan timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin menunjukkan teks ucapan Bajet 2012 selepas pembentangannya di Bangunan Parlimen semalam.

redakan inflasi dan mengimarah kehidupan. Untuk itu, Najib mengumumkan bahawa kerajaan akan melaksanakan sistem pendidikan rendah dan menengah secara percuma.

"Pada masa ini, pelajar masih dikenakan bayaran RM24.50 sen bagi sekolah rendah dan RM33.50 bagi sekolah menengah untuk bayaran kokurikulum, kertas ujian dalaman,

Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia dan Insuran Takaful.

"Mulai sesi persekolahan 2012, bayaran ini akan dimansuhkan," jelasnya dengan menambah, pemansuhan semua bayaran itu akan melibatkan peruntukan sebanyak RM150 juta.

Selain itu, Najib turut mengumumkan bantuan persekolahan RM100 kepada se-

mua pelajar sekolah rendah dan menengah daripada tahun satu hingga tingkatan lima di seluruh negara.

Bantuan itu akan melibatkan kira-kira 5.3 juta pelajar sekolah pada tahun depan dengan nilai peruntukan RM530 juta dan disalurkan menerusi akaun Bank Simpanan Nasional (BSN).

Katanya, kerajaan juga akan memberikan bawar buku bernilai RM200 kepada semua pelajar warganegara Malaysia di institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan.

"Bantuan ini dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 1.3 juta pelajar dan melibatkan peruntukan RM260 juta," katanya.

Prihatin kepada kesukaran golongan berpendapatan rendah untuk mendaftar dan mendapat giliran bagi menunaikan ibadah haji, Najib turut mengumumkan kerajaan akan membenarkan pencarum Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) membuat pendaftaran awal melalui Akaun Dua sebanyak RM1,300.

"Melalui kaedah ini, wang pencarum sejumlah RM1,300 itu masih kekal dalam KWSP tetapi pencarum sudah boleh mendaftar giliran untuk menunaikan haji," jelasnya.

Menurut Najib, kerajaan juga akan mengagihkan bayaran RM3,000 kepada setiap bekas anggota tentera serta duda dan balu mereka yang kesemuanya berjumlah hampir 62,000 orang.

Katanya, sumbangan itu sedikit sebanyak dapat membantu meringankan kos sara hidup golongan itu yang telah banyak berjasa kepada negara.

Bajet 2012 paling pemurah – Muhyiddin

KUALA LUMPUR - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan Bajet 2012 sebagai bajet paling pemurah khususnya memabatkan sektor pendidikan.

Menurut beliau, bajet itu yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Dewan Rakyat semalam dirangka dengan tujuan memastikan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana dapat menghadapi tekanan kos sara hidup.

"Kerajaan bersungguh-sungguh un-

tuk membantu rakyat dan ini dibuktikan menerusi pemberian subsidi mencecah RM33.2 bilion dalam Bajet 2012," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen semalam.

Menurut Muhyiddin, bajet tersebut mencakupi semua peringkat rakyat bermula daripada petani, nelayan, pesara sehinggalah pegawai kerajaan.

"Bukan mudah untuk membentuk bajet seimbang dalam keadaan ekonomi sekarang, namun Perdana Menteri telah berjaya membentangkan satu bajet yang seimbang dan dalam masa

yang sama memastikan pertumbuhan pada sasaran 5.5 peratus dan pengurangan defisit kepada 4.5 peratus.

"Ini bukan sasaran yang mudah tetapi mampu dicapai," kata beliau yang juga Menteri Pelajaran.

Mengenai faedah untuk 480,000 orang guru dalam bajet itu, beliau berkata, butiran terperinci mengenai akan diumumkan bulan depan.

"Saya akan umumkan pada awal November depan mengenai apakah kandungan dalam Bajet 2012 yang bakal dinikmati oleh guru-guru," katanya.

Kakitangan awam dapat kenaikan tahunan RM80 hingga RM320 tahun depan

Sistem saraan baru diperkenal

KUALA LUMPUR - Kira-kira 1.3 juta kakitangan awam negara ini menerima berita gembira apabila Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan bahawa kerajaan akan memperkenalkan Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) yang menawarkan kenaikan gaji lebih baik.

Ketika membentangkan Bajet 2012 bertajuk, Dasar Transformasi Nasional: 'Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara', Perdana Menteri berkata, skim tersebut akan menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) bertujuan mentransformasikan perkhidmatan awam negara supaya lebih dinamik.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, menerusi SBPA, kenaikan gaji tahunan penjawat awam akan ditingkatkan antara RM80 hingga RM320 mengikut gred bermula tahun depan.

Beliau menambah, penjawat awam yang menerima opsyen ke



SKIM Saraan Baru Perkhidmatan Awam bakal merangsang produktiviti kakitangan kerajaan. - Gambar hiasan

SBPA akan mendapat faedah kenaikan gaji di antara 7 hingga 13 peratus.

"Dengan pelaksanaan SBPA, lebih 600,000 pesara kerajaan akan menikmati pelarasan pencen

yang melibatkan peruntukan RM600 juta.

"Mulai tahun 2013 nanti, kerajaan akan melaksanakan kenaikan tahunan pencen pesara sebanyak dua peratus setahun tanpa

perlu menunggu sebarang semakan sistem saraan atau pelarasan gaji," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata, ini bermakna SBPA berfungsi menambah baik struktur gaji penjawat awam melalui pembentukan gaji sebaris yang mewujudkan lebih banyak mata gaji supaya penjawat awam terus mendapat kenaikan tahunan bagi tempoh yang lebih lama.

Katanya, keadaan itu sekali gus membolehkan kedudukan gaji maksimum bagi sesuatu gred adalah lebih tinggi daripada sekarang.

"Contohnya, jika di bawah SSM, bagi seorang guru pada gred DG48, gaji maksimum adalah RM6,325.39 sen, kelak, di bawah SBPA, gaji maksimum beliau akan meningkat 37.7 peratus kepada RM8,710.

"Bagi guru bukan siswazah pula, jika di bawah SSM kini, yang berada pada gred DG34, gaji maksimum adalah RM3,860.52, kelak nanti di bawah SBPA ia akan me-

ningkat 39 peratus kepada RM5,370," ujar beliau.

Najib menambah, semasa perutusan khas Hari Guru yang lalu, beliau telah mengumumkan laluan kerjaya perkhidmatan perguruan siswazah yang lebih baik.

"Tidak perlu lagi seperti dulu, seorang guru terpaksa menunggu sehingga 20 tahun untuk naik pangkat, sebaliknya sekarang dalam skim baharu mengikut *time-based*, seorang guru akan mendapat gred 44 pada tahun ke-8 dan gred 48 pada tahun ke-16.

"Bagi guru bukan siswazah, dari gred 29 kepada 32, jika mengikut sistem *time-based* sekarang, ia memakan masa 10 tahun, namun di bawah SBPA hanya mengambil tempoh lapan tahun sahaja," katanya.


Seterusnya pula, bagi kenaikan gred 32 ke-34, Najib berkata, jika sekarang ini bergantung pada kekosongan, tetapi di bawah SBPA kelak, kaedah *time-based* lapan tahun turut diterima pakai.

PELABURAN

● Melaksanakan Rolling Plan Kedua Rancangan Malaysia Ke-10 dengan peruntukan sebanyak RM98.4 bilion bagi tahun 2012 dan RM49.2 bilion bagi tahun 2013. Ia akan menumpukan kepada projek pembangunan berimpak tinggi dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

PENDIDIKAN

● Mewujudkan Tabung Khas Pembinaan, Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah berjumlah RM1 bilion.



INFLASI

● Meneruskan subsidi, insentif dan bantuan berjumlah RM33.2 bilion selain subsidi bil elektrik RM20.

MENCERNA KREATIVITI

● Mengkomersialkan 300 harta intelek baharu dalam bentuk produk-produk dan teknologi baru dengan jangkaan Pendapatan Dalam Negara Kasar (GNI) berjumlah RM30 bilion

MENGHARGAI PERANAN DAN MEMARTABAT WANITA

● Menyediakan perkhidmatan suntikan percuma imunisasi HPV (Human Papilloma Virus – RM50 juta)
● Amanah Ikhtiar Malaysia akan menyediakan RM2.1 bilion kepada usahawan dalam bentuk pembiayaan pinjaman mikro

MENGHARGAI JASA WARGA EMAS

● Caj pendaftaran pesakit luar percuma di semua hospital dan klinik kesihatan termasuk klinik 1Malaysia serta pergigian milik kerajaan.

KERETA HIBRID

● Pengecualian sepenuhnya duti import dan duti eksais bagi mengimport kereta hibrid serta elektrik akan dilanjutkan sehingga 2013.



GELANGGANG FUTSAL DITAMBAH

● Membina 150 gelanggang futsal tambahan di seluruh

negara untuk mencapai matlamat Satu Gelanggang Satu Mukim.

PERKHIDMATAN KESIHATAN BERKUALITI

● Membina hospital-hospital, 81 Klinik Kesihatan dan 50 Klinik 1Malaysia

PERUSAHAAN KECIL SEDERHANA

● Mewujudkan Dana Pembiayaan PKS berjumlah RM2 bilion yang dikendalikan oleh bank-bank Islam terpilih dengan kerajaan akan menanggung dua peratus daripada kadar keuntungan pembiayaan.

POLIS

● RM200 juta peruntukan khas akan diberikan untuk perbelanjaan pembangunan polis, meliputi projek perumahan anggota, penambahbaikan balai dan pusat latihan.

